

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.05.2016

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan-kesan kejatuhan nilai ringgit kepada ekonomi negara, bajet tahun ini, Bursa Saham dan hutang negara berserta hutang luar negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada amnya, sebagai sebuah negara yang terbuka dan terdedah kepada ekonomi dunia, Malaysia turut terjejas berikutan ketidaktentuan ekonomi global termasuk kejatuhan nilai matawang Ringgit Malaysia. Nilai mata wang ringgit telah menyusut sebanyak 18.6% pada tahun 2015. Berbanding mata wang serantau, nilainya

juga merosot antara 8.4% hingga 14.7%. Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit pada tahun 2015 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong oleh faktor dalaman dan luar negeri. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, volatiliti mata wang termasuk ringgit adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu.

2. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia masih terkawal dan terus mantap. Kesan peningkatan dalam harga import bagi isi rumah adalah sederhana dan diimbangi oleh penurunan harga komoditi global dan harga bahan api domestik, serta penambahan pendapatan berikutan pengagihan bantuan wang tunai kepada golongan isi rumah bersasaran pada tahun 2015. Selain itu, bagi golongan peniaga pula, kesan penurunan nilai ringgit adalah berbeza. Golongan yang meraih faedah tertinggi adalah pengeksport tempatan yang menggunakan kandungan input tempatan yang tinggi. Contohnya, industri berasaskan sumber tempatan yang menghasilkan sarung tangan getah, kayu dan perabot, serta tekstil. Industri lain yang mendapat manfaat secara relatif adalah industri elektrik dan elektronik (E&E) yang mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi kesan dari tukaran mata wang asing. Syarikat-syarikat dalam industri tersebut mendapat manfaat dari segi pendapatan eksport yang lebih tinggi dan peningkatan dalam daya saing harga.

3. Dalam pada itu, industri yang berorientasikan pasaran tempatan dengan menggunakan input import yang tinggi, samada secara langsung atau tidak langsung, seperti perdagangan borong dan runcit serta vendor automotif mengalami tekanan kos yang tinggi dan margin keuntungan yang berkurangan. Bagi perusahaan kecil dan sederhana pula, terutamanya perniagaan yang terdedah kepada pasaran tempatan yang menggunakan input mentah yang diimport, penurunan nilai mata wang ringgit telah memberi cabaran yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi pasaran saham Malaysia pula, kesan kejatuhan nilai mata wang ringgit telah menyebabkan pasaran mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan yang sangat ketara pada tahun 2015. Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) merosot sebanyak 3.9% dan mencatat 1,692.51 mata pada akhir 2015. Prestasi pasaran saham domestik sepanjang tempoh 2015 adalah dipengaruhi terutamanya oleh sentimen pelabur global yang lemah serta sebahagiannya adalah disebabkan oleh perkembangan domestik yang tidak menentu. Pada empat bulan pertama 2015,

Indeks FBM KLCI terus kekal berdaya tahan dan menunjukkan prestasi yang agak baik dalam keadaan pasaran yang tidak menentu.

5. Walau bagaimanapun, bermula Mei 2015, pasaran saham domestik terjejas dengan ketara disebabkan oleh sentimen pasaran global dan domestik yang lemah. Faktor ini menyebabkan meningkatnya penghindaran risiko terhadap ekuiti dalam pasaran sedang pesat membangun, lantas mengurangkan pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin di rantau ini, termasuk di Malaysia. Sungguhpun begitu, pada akhir 2015, terutamanya pada tempoh suku keempat, prestasi pasaran ekuiti domestik bertambah baik secara sederhana. Pengumuman langkah-langkah ekonomi yang proaktif oleh Kerajaan telah menyebabkan kestabilan pasaran saham Malaysia, yang secara keseluruhannya menyumbang kepada kestabilan Indeks FBM KLCI pada akhir 2015.

6. Manakala, merujuk kepada peruntukan Bajet tahun 2016, kejatuhan nilai ringgit juga tidak memberikan kesan secara langsung. Walaupun begitu, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengambil langkah untuk mengubahsuai Bajet 2016 dengan mengambil kira paras harga semasa minyak mentah dunia serta nilai ringgit. Langkah ini diambil bagi memastikan kesejahteraan rakyat

dan pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan. Pada masa yang sama juga, langkah konsolidasi fiskal, termasuk pelaksanaan GST dan rationalisasi subsidi diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.

7. Seterusnya, bagi hutang negara pula, Kementerian Kewangan merujuk hutang negara sebagai hutang luar negeri Malaysia yang meliputi pinjaman dalam mata wang asing oleh Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta yang lain. Selain itu, kredit perdagangan, deposit oleh bukan pemastautin (*non-resident*) dan pegangan instrumen kewangan di dalam pasaran kewangan domestik oleh bukan pemastautin (*non-resident*) juga diambil kira di dalam kiraan hutang negara. Memandangkan sebahagian besar iaitu kira-kira 60% hutang luar negeri Malaysia adalah dalam denominasi matawang asing, sebarang pergerakan dalam matawang ringgit akan memberikan kesan kepada jumlah hutang. Sungguhpun begitu, paras hutang luar Malaysia adalah terkawal. Ini adalah disebabkan oleh sebahagian besar daripada hutang luar negeri Malaysia ini adalah pinjaman oleh sektor swasta yang mempunyai kecekapan bagi memastikan pinjaman

dilaburkan secara cekap dan efisien (*efficient investment*) dan di dalam sektor yang produktif (*productive investment*). Pelaburan yang efisien dalam sektor yang produktif akan berupaya memberi pulangan yang tinggi dan meningkatkan keupayaan bayaran balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Dalam senario kejatuhan nilai ringgit dan juga kejatuhan harga minyak dunia, negara masih berupaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 5% pada tahun 2015 dan 4.2% pada suku pertama tahun 2016. Ini memandangkan ekonomi domestik merupakan pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dan berupaya menjadi penampan terhadap cabaran ekonomi global yang tidak menentu. Bagi memastikan ekonomi terus kukuh dan berdaya tahan, Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi eksport dengan meluaskan pasaran, mempelbagaikan dan meningkatkan nilai ditambah produk. Antara inisiatif Kerajaan termasuk menyegerakan pelaksanaan langkah-langkah Majlis Eksport Negara (NEC) serta terus aktif dalam perjanjian bebas (FTA) yang sedia ada. Selain itu, negara terus meningkatkan kerjasama serantau antara Indonesia dan Thailand, dalam usaha memperkukuh dan

menstabilkan harga serta meningkatkan daya saing industri komoditi.

9. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menangani kejatuhan nilai mata wang ringgit, objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit. BNM turut melakukan pemantauan harian terhadap pasaran pertukaran asing bagi memastikan pergerakan pasaran adalah teratur. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Berikutan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, mata wang ringgit telah kembali menambah nilai sebanyak 6.4% berbanding dolar AS kepada RM4.0350 pada 18 Mei 2016 berbanding RM4.2920 pada 31 Disember 2015. Nilai mata wang juga turut mencatatkan prestasi kedua terbaik berbanding mata wang utama dan serantau iaitu antara -3.2% sehingga 9.1%. Sehubungan itu, adalah penting untuk diketahui bahawa kenaikan nilai ringgit yang berlaku pada ketika ini adalah berlatarbelakangkan kebimbangan yang tercetus pada tahun 2015, termasuk pengukuhan

nilai dolar AS, ketidakpastian dasar monetari ekonomi maju dan trend harga minyak mentah global yang masih belum stabil. Justeru, kenaikan nilai ringgit ini lebih mencerminkan perubahan sentimen yang mendadak di dalam persekitaran kewangan global yang masih tidak menentu.